




اڪادمي سني ڪڙڻا
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



PeTA 2000


KATA ALUAN
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
PELANCONGAN MALAYSIA

Bersyukur kita ke hadrat illahi kerana ekonomi negara telah kembali pulih dan ini menjana perkembangan di hampir semua bidang. Kegiatan kesenian juga kembali rancak dan suasana ini sudah tentu melegakan para seniman serta penggiat seni keseluruhannya. Kita di pihak Kementerian pula sentiasa berusaha mewujudkan suasana yang ceria untuk perkembangan kesenian. Malah usaha tersebut tetap diteruskan biarpun dalam kegawatan ekonomi. Pendek kata, kita menganggap kesenian sebagai satu elemen penting dalam institusi masyarakat Malaysia. Kewujudan Akademi Seni Kebangsaan menjadi bukti kepada kesungguhan tersebut.



Menyedari pentingnya perkara tersebut serta memastikan seni tanahair sentiasa berada di tahap yang memuaskan maka kita perlu melahirkan pendokong yang berkaliber. Oleh itu, Penilaian Tahun Akhir 2000 atau PeTA 2000 dijadikan media untuk mengukur kualiti penggiat seni yang bakal dilahirkan oleh Akademi Seni Kebangsaan. Ini merupakan cabaran kepada institusi dan pelajar tersebut untuk mengimbangi tahap kecemerlangan yang dituntut oleh khalayak dengan tahap kemahiran yang dimiliki oleh penggiat seni.

Namun, saya percaya penggiat lulusan Akademi Seni Kebangsaan berupaya mengimbangi tuntutan tersebut dan dapat membuktikan bahawa mereka adalah golongan profesional yang bakal menyemarakkan dunia seni tanahair. Akhir kata, kepada pelajar yang sedang diuji melalui PeTA 2000 saya mengucapkan selamat berjaya.


DATU' ABDUL KADIR B. HJ. SHEIKH FADZIR

**KATA ALUAN
PENGARAH
AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

Akademi Seni Kebangsaan amat berterima kasih kerana dikurniakan dengan tenaga pengajar yang terdiri daripada penggiat seni sendiri. Pendekatan sebegini menjadikan pelajar mendapat pengalaman dan kemahiran terus daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam kegiatan kesenian. Kelebihan ini, ditambah dengan hakikat bahawa pelajar Akademi Seni Kebangsaan adalah golongan manusia yang sememangnya berbakat serta mempunyai minat yang mendalam dalam bidang seni, menjadikan pelajar Akademi Seni Kebangsaan lebih cepat menguasai sesuatu kemahiran serta menterjemahkan atau mempraktikkan ilmu tersebut.

Pada akhir dekad ini Akademi Seni Kebangsaan dijangka mampu mengeluarkan sekurang-kurangnya 800 lulusan seni sekiranya mengambil kira kadar kemasukkan pelajar sebanyak 10% setiap tahun.

Begitu pun, perjalanan ini masih jauh dengan mengambil kira jumlah penduduk Malaysia yang dijangkakan mencapai 30 juta. Nisbah penduduk dengan penggiat seni adalah terlalu marginal. Oleh itu, tanggung jawab ini bukan sahaja terletak di bahu Akademi Seni Kebangsaan tetapi juga para graduannya yang harus membuktikan kemampuan diri dan menjadikan segala bentuk aktiviti seni sebagai bidang yang mampu merealisasikan impian negara untuk meningkat ke tahap profesional



DR. HATTA AZAD KHAN

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Selayang Pandang

PENGENALAN

Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ditubuhkan di atas kesedaran perlunya sebuah institusi memberikan ilmu, latihan dan bimbingan secara formal bagi menyokong usaha-usaha pembangunan kesenian yang selaras dengan pembangunan sosio-ekonomi negara ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih mantap dan berketrampilan. Oleh itu, pada 1994 ASK memulakan program pengajian di peringkat diploma.

Pada tahun 1999 pula ASK menaiktarafkan kurikulumnya dan menawarkan program pengajian berperingkat 1+2+1 selama 4 tahun. Program pengajian berperingkat ini meliputi:

1 Tahun Pengasas +2 Tahun (Diploma) + 1 Tahun (Ijazah Sarjana Muda)

Konsep dan Objektif

- ◆ ASK merupakan sebuah institusi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya, ASK akan berteraskan kepada pendidikan seni ke arah melahirkan penggiat seni, seniman dan karyawan terlatih dan berilmu. Oleh itu, pendidikan amali amat ditekankan bagi mencapai kemahiran yang tinggi.
- ◆ Graduan diharap dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan bidang tersebut boleh dijadikan kerjaya yang menarik, seperti pencipta,

pengubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni, anggota orkestra serta lain-lain kerjaya bertaraf profesional yang berkaitan dengan industri seni. Melalui latihan formal yang berstruktur dan bersistematik di ASK, seniman dan karyawan diyakini mampu mencapai kecemerlangan setanding dengan seniman dan karyawan di peringkat antarabangsa.

Secara amnya objektif ASK adalah untuk:

- ❖ melahirkan golongan seniman dan karyawan yang mantap dan berilmu dalam bidang seni;
- ❖ menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak dalam usaha membangunkan industri budaya negara;
- ❖ menyediakan bakal pengkaji dan pendidik bidang seni; dan
- ❖ menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi.

● Program Akademik

Rancangan akademik ASK ini akan meliputi pelbagai disiplin seni yang diiktirafkan sesuai dan selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan cita-cita Rukunegara melalui pendidikan kebudayaan, kesenian dan hubungkaitnya dengan keperluan sebuah masyarakat maju.

Program akademik di ASK dijalankan secara sepenuh masa dan terbahagi kepada empat iaitu:

Teater, Tari, Muzik dan Penulisan

◆ Program Teater

Program Teater menjadikan modul teori yang meliputi sejarah, apresiasi dan kritikan di mana sebagai Modul Wajibnya. Modul-modul pilihan pula adalah dalam aspek lakonan, pengarahannya di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan akan meliputi pengarahannya dan sinografi. Modul Lakonan meliputi stail dan teknik lakonan, pergerakan, vokal dan produksi pentas. Modul Pengarahannya di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan meliputi pengarahannya teater klasik dan moden serta pengarahannya untuk rakaman. Modul Sinografi pula meliputi rekaan set, kostum, peralatan dan pencahayaan.

◆ Program Tari

Program Tari menawarkan Modul Pengajian dan Penyelidikan Tari yang meliputi sejarah, estetika dan apresiasi tari, pengurusan dan kritikan persembahan tari. Modul Persembahan Tradisi Malaysia akan berlandaskan tari rakyat dan klasik Melayu, tari sukuan atau etnik Malaysia serta tari Asia Tenggara. Modul Persembahan Moden meliputi ballet, improvisasi, jazz, tap, muzik untuk tari serta komposisi dan koreografi tari. Modul Pendidikan Tari meliputi anatomi, psikologi dan pedagogi tari.

◆ Program Penulisan

Program ini menawarkan Modul Teori dan Kritikan yang meliputi apresiasi seni, pemikiran kreatif dan kritis, terjemahan dan adaptasi. Modul Penulisan Filem dan Televisyen pula memberikan tumpuan kepada sejarah dan perkembangan filem dan televisyen serta penulisan skrip dalam berbagai format untuk filem dan penyiaran.

Modul Penulisan Skrip Drama Pentas memberi tumpuan kepada penulisan drama sebabak, drama panjang, drama kanak-kanak, drama sejarah serta adaptasi daripada sumber-sumber sastera yang lain seperti cerpen dan novel. Akhir sekali, Program ini turut menawarkan Modul Teknologi Kreatif yang meliputi aspek penerbitan filem dan televisyen termasuk penerbitan media cetak berkomputer dan animasi.

◆ Program Muzik

Program Muzik menawarkan modul-modul Persembahan, Gubahan dan Ciptaan Lagu, Teknologi Muzik dan Organologi. Kesemua modul akan meliputi sejarah muzik Timur dan Barat, teori dan harmoni, kemahiran alat muzik tradisional dan moden, ensembel tradisional, bengkel suaralorkestra dan penulisan lirik. Modul Teknologi akan memberikan penekanan kepada muzik komputer termasuk midi principle, sequencing, scoring, multitrack recording, adunan danimbangan audio dan muzik kreatif. Modul Organologi memberi penekanan kepada penyelenggaraan, pembaikan dan pembuatan alat muzik tradisional.

● Kelainan Pendekatan

Dengan kesedaran bahawa telah sedia terdapat beberapa buah pusat pengajian tinggi di Malaysia yang sedia menawarkan bidang pengajian kreatif dengan berbagai pendekatan, Akademi Seni Kebangsaan berusaha untuk menyediakan kursus-kursus yang berlainan dari segi keutamaan atau pendekatannya.

Berbeza dengan institusi-institusi lain di Malaysia, ASK memberikan tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran teater tradisional dengan mewajibkan setiap pelajar mengikuti berbagai modul dalam kursus Bansawan, Mak Yong, Wayang Kulit dan Silat. Setiap aspek bentuk teater tradisional ini seperti repertoire, pendalangan, lakonan, muzik, tari dan gerak, hiasan dan busana akan diajar bersesuaian dengan program pilihan.

● Modul Wajib Akademi

Kurikulum empat tahun pengajian berperingkat ASK bagi mendapatkan Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Seni meliputi Modul Wajib Akademi, modul-modul wajib dan pilihan dari empat program yang ditetapkan serta modul pilihan dari pelbagai program.

Modul Wajib Akademi meliputi aspek:

- ◆ *Kemanusiaan (Humanities)* termasuk kursus-kursus Wajib Kementerian Pendidikan Malaysia yang meliputi Pengajian Islam/moral dan etika yang dinamai sebagai Pengajian Tamadun, Bahasa Melayu dan Pengajian Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Falsafah Seni serta Metodologi Penyelidikan Kesenian.
- ◆ *Seni Persembahan Tradisional (Traditional Performing Arts)* yang memberikan tumpuan kepada bentuk teater Mak Yong, Wayang Kulit, Bansawan dan Silat.
- ◆ *Teknologi dan Pengurusan (Management & Technology)* yang menyediakan pelajar dengan keperluan pendidikan teknologi maklumat (IT) yang dilengkapi dengan asas pengurusan serta kefahaman terhadap undang-undang yang bersangkutan dengan industri seni.

● Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar ASK terdiri daripada ilmuan, ahli akademik dan tokoh-tokoh yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang seni. Kesemua mereka merupakan tokoh yang berwibawa bukan sahaja di Malaysia malah turut diakui di peringkat antarabangsa.

● Prospek Kerjaya

- ◆ *Graduan sebagai Seniman Terlatih*

Golongan graduan ASK akan mengisi keperluan penggiat-penggiat seni profesional

dalam bidang seni yang khusus, sama ada sebagai tenaga mahir dalam kumpulan atau pertubuhan seni profesional atau secara individu. Tertakluk kepada pengkhususan, mereka juga dapat memberi sumbangan berkesan dalam industri muzik dan filem tanahair, di samping mempertingkatkan mutu penulisan. Graduan pengajian teater pula mengisi ketandusan pelakon, pengarah dan penerbit produksi, teater, filem dan televisyen. Kesemua ini akan menjadi teras ke arah pengwujudan sebuah industri budaya yang mantap.

◆ **Graduan sebagai Pereka Produksi**

Graduan ini akan menambahkan bilangan golongan mahir dalam bidang-bidang sokongan khususnya dalam bidang perekaan dan teknikal seperti teknik rakaman, audio dan lampu, rekaan set, prop, kostum serta bidang-bidang pengurusan pentas, penulisan kritik, koreografi dan sebagainya.

◆ **Graduan sebagai Penyelidik**

Program pengajian ASK antara lain memberi pendedahan serta peluang penglibatan pelajar dalam kerja-kerja penyelidikan bahan kesenian, kajian mengenai pasaran dan kajian pelaksanaan sesuatu program. Secara lansung ia melengkapkan graduan dengan kemahiran dalam menjalankan kajian yang bersistematik dan menyeluruh ke arah memperbanyakkan bahan-bahan rujukan seni.

◆ **Graduan sebagai Bakal Pendidik**

Pendidikan seni yang bermula dari sekolah membantu mengukuhkan usaha membangunkan kesenian negara. ASK berhasrat bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi tujuan memantapkan pengajaran/pembelajaran seni perembahan (performing arts) ke dalam kurikulum sekolah. Graduan dijangka dapat mengisi kekurangan pendidik seni tanahair. Graduan juga mampu menjadi jurulatih dan perunding seni terlatih untuk pertubuhan-pertubuhan kesenian di sektor awam dan swasta.

● **Program Separuh Masa**

- ◆ Bagi memenuhi keperluan dalam jangka masa pendek, ASK turut menawarkan program separuh masa. Program ini dijalankan selama satu semester dengan menawarkan kursus-kursus terpilih dalam program sepenuh masa.
- ◆ Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang meminati bidang seni tetapi tidak dapat mendalami secara sepenuh masa kerana tugas dan seumpamanya. Oleh sebab itulah, kebanyakan kursus separuh masa diadakan pada watak petang mahupun malam.

● **Penutup**

- ◆ Keperluan untuk mempunyai sebuah pusat yang mampu menawarkan pelbagai kursus dalam bidang seni, pastinya merupakan usaha yang murni dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan industri seni.
- ◆ Pemuliharaan dan pengembangan seni tradisional perlu dilakukan bagi menjamin kesinambungan warisan bangsa. Usaha ini penting bagi pengekalan jatidiri seni tanahair.
- ◆ Oleh itu, usaha bagi memastikan sistem pembelajaran dan pengajaran sentiasa selari dengan aspirasi nasional serta menjadikan seni tradisional sebagai tunjang pembentukan seniman menjadikan ASK relevan dalam pembangunan kesenian negara.

PROFAL PELAJAR

STUDENT'S PROFILE

*PeTA 2000
Annual Final
Assesment*



LEONARD YEAP LIN SOON, atau Leonard adalah anak kelahiran negeri Selangor. Berumur 22 tahun mula mempelajari piano pada umur 5 tahun. Bercita-cita untuk menjadi seorang komposer dan pendidik yang disegani. Dengan itu, memilih bidang Muzik di ASK.

Telah memenangi beberapa pertandingan piano peringkat daerah semasa di bangku sekolah lagi. Mula bergiat cergas dalam bidang seni apabila memasuki ASK pada tahun 1996. Menjadi penata muzik teater Sangkar Madu (1997). Tahun berikutnya, dilantik sebagai Pengarah Muzik untuk produksi bangsawan Bendahara Garang Perak dan sebagai pemuzik teater Members of the Club anjuran Malakoff Berhad. Boleh bermain piano dan juga violin. Menyertai Orkestra Simfoni Kuala Lumpur dan Orkestra Simfoni Kebangsaan secara separuh masa.

Bermain piano dan violin di hotel-hotel terkemuka di sekitar Lembah Klang pada tahun 1999. Pernah memimpin satu trio jazz, Tutti, yang mengadakan persembahan di Petaling Jaya. Menyertai produksi mak yong Raja Tangkai Hati anjuran ASK sebagai pemuzik. Menyertai produksi Keris Sang Puteri sempena perasmian Istana Budaya sebagai pemain piano latihan dan pemuzik orkestra. Juga bermain keyboard dalam beberapa rancangan telvisyen seperti Bintang RTM dan Juara Lagu '99. Telah mencipta lagu tema untuk rancangan gameshow Jutawan Alaf Baru yang disiarkan melalui saluran NTV7 sekitar perayaan Tahun Baru 2000. Di peringkat negeri, turut mencipta lagu tema sempena sambutan Ulangtahun ke 25 Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor. Mencuba bakat berlakon dalam produksi pelajar Kerana Nombor.

Walaupun sibuk dengan persiapan Projek Tahun Akhir, Leonard masih lagi mengajar piano secara sambilan.

FOO MEI SHANG gadis kelahiran Terengganu Darul Iman ini bercita-cita menjadi pemain piano solo yang profesional dan terkemuka. Mula menceburi bidang muzik ketika berusia 10 tahun.

Pelajar Muzik ini merupakan lulusan ABRSM Violin Gred 5 (1998) dan mendapat kepujian dalam ABRSM Piano Gred 8 (1995). Walaupun sentiasa sibuk dengan kuliah dan pelbagai aktiviti di ASK, Mei Shang turut menjadi tenaga pengajar di Sekolah Muzik Technic.

Sepanjang berada di ASK, bukan sahaja terdedah kepada muzik malah juga seni yang lain. Telah terlibat dengan beberapa buah produksi ASK. Antaranya, wayang kulit (1997), bangsawan Megat Terawis (1998) sebagai pemain violin dan mak yong Bendahara Garang (199) sebagai penari.

Turut terlibat dengan kegiatan seni anjuran pihak swasta. Antaranya sebagai penyanyi latar untuk Pertandingan Komposer yang dianjurkan oleh TV 3 (1997). Turut diundang sebagai penyanyi koir untuk Hari Kebangsaan melalui siaran Metrovision. Juga menjadi pemain violin di Junior Orkestra Kebangsaan.



MICHELLE QUAH CHIH LING berasal dari Pulau Pinang mempunyai lulusan dalam Recital Certificate dari Guildhall School of Music and Drama. Sebelum melanjutkan pelajarannya di ASK, Michelle pernah mengikuti Rancangan Sijil Seni Kreatif (Seni Lakon) di Universiti Sains Malaysia sesi 1995/1996.



Sepanjang empat tahun di ASK, telah mendedahkannya kepada teater eksperimental serta tradisional. Beliau diberi peluang keemasan menyanyi serta berlakon dalam karya Leow Puay Tin "A Modern Woman" di Cairo, Egypt pada tahun 1996. Selain itu, beliau juga diberi peluang untuk menyanyi serta menari dalam produksi bangsawan Bendahara Garang Perak (1998) serta sebagai penari dalam mak yong Raja Tangkai Hati (1999).

Aktif dengan kegiatan luar. Pada 1997, menjadi penyanyi curtain raiser untuk Elaine Kung's Show. Beliau juga diberi peluang untuk bernyanyi solo serta nyanyian duet dengan Sean Ghazi dalam KLSO's Sounds of Movies and Theatre (1998), presenter serta menyanyi dalam KLSO's Johan and Si Belang (1999) dan diberi peluang keemasan untuk berduet dengan penyanyi terkemuka Taiwan, Wang Lee Hom dalam Wang Lee Hom's 99 Concert anjuran Salem Cool Planet (1999).

Di samping itu, juga membuat persembahan dengan kumpulan No Black Tie serta membuat persembahan-persembahan nyanyian solo untuk private functions di sekitar Kuala Lumpur. Pengkhususan pelajar ini ialah Vokal (persembahan muzik).



WONG POH LEE mula bermain piano semasa berumur enam tahun lagi dan mempelajari meniup flute pada tahun 1996 ketika memasuki ASK. Mempelajari bermain Technic Organ di Taiping, Perak. Mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang telah meletakkannya ke dalam dunia muzik. Bekas gurunya di Taiping juga telah banyak memberi sumbangan sama ada dari segi praktikal ataupun teori harmoni. Ketika menuntut di ASK, telah menimba pelbagai ilmu bukan sahaja dari segi muzik tetapi dari bidang seni yang lain. Sebelum ini belajar seni muzik semata-mata untuk mendapatkan sijil. Pentafsiran ini kemudiannya berubah pada saat beliau menjejak langkah masuk ke ASK. Beliau berasa bertuah kerana dapat mempelajari bermain piano di bawah Yong Joh Lin.


Atas pimpinan guru itu, telah mula memahami erti keindahan muzik. Berjaya mendapat Performance Certificate dari Trinity College of London (1999). Di samping itu, atas galakan daripada rakan-rakan dan guru pianonya, membuat persembahan solo piano bagi 'No Black Tie' di Dewan British Council Kuala Lumpur pada 25 Mac 2000. Telah menyertai beberapa ujibakat untuk program 'No Black Tie' dan akhirnya berjaya. Di ASK menyertai pelbagai kegiatan yang dianjurkan oleh ASK. Juga merupakan salah seorang ahli muzik Orkestra Simfoni Muda sebagai pemain flute dan pemain piano. Pernah membuat persembahan dalam beberapa konsert.

Juga mempelajari meniup flute yang merupakan alat muzik keduanya ketika masuk ke ASK. Pada awal semester di ASK belajar flute di bawah bimbingan Encik Bohari Sahlan. Kemudiannya melanjutkan ilmu flute di bawah Mr. Takahisa Ota. Telah mencapai Grade 5 dalam flute. Berasa berterima kasih kepada kedua-dua gurunya.

JEANIE LING CHING berasal dari Miri, Sarawak. Mula menceburi bidang muzik sejak kecil lagi, terutamanya piano klasikal setelah mendapat dorongan daripada ibunya. Belajar bermain piano klasikal di bawah pimpinan beberapa orang guru professional dan berpengalaman. Mendapat kelulusan dalam ABRSM Piano Klasikal Gred 8.

Dengan sokongan ibubapa, telah melanjutkan pelajaran ke Akademi Seni Kebangsaan untuk menimba ilmu secara luas dalam muzik. Bersifat 'ingin tahu' dan sanggup mempelajari segala-gala yang berkenaan dengan muzik. Alat muzik utama ialah piano klasikal dan vokal sebagai alat muzik kedua. Menghadiri masterclass piano oleh Marcel van Oostervijk dan juga masterclass vokal oleh Kenji Watanabe. Semasa belajar di ASK, berkesempatan mendapat lulusan ABRSM Vokal Gred 5 dan juga ABRSM Teori Gred 8.

ASK telah memberi banyak peluang untuk menceburi pelbagai aktiviti atau produksi anjuran ASK atau produksi luar. Pada tahun pertama di ASK, melibatkan diri dalam Festival Tari (1996) produksi Ribut (1997) dan Impian Di Musim Panas (1997). Bagi produksi anjuran ASK, sebagai pemuzik dalam Program Kulit Wayangan (1996), Akar (1997), produksi bangsawan - Bendahara Garang Perak (1998), produksi mak yong-Raja Tangkai Hati (1999). Pemuzik Midsummer Night's Dream dan Romeo & Juliet (1998). Juga mengikuti bengkel-bengkel muzik seperti Bengkel Apresiasi Seni Muzik Tradisional (1996 & 1997), Bengkel Wayang Kulit UKM (1998). Dalam Majlis Konvokesyen Pertama 1998, melibatkan diri dalam ensemble Tak Lempong manakala menjadi pemuzik ensemble Gamelan untuk Majlis Konvokesyen Kedua 1999.



Juga melibatkan diri dalam koir. Mewakili Koir Kebangsaan untuk membuat persembahan koir bersama NSO untuk Hari Merdeka 1997. Diikuti pula dengan penglibatan koir dalam rancangan Teen Talk TV3 sempena sambutan Hari Merdeka 1997. Menjadi penyanyi latar rancangan Komposer 1997, rakaman lagu iklan, dan produksi Keris Sang Puteri 1999. Bercita-cita untuk menjadi seniwati dan pemain piano klasikal yang profesional.

YAP YING MIEN berasal dari Wilayah Persekutuan, dan bercita-cita menjadi komposer dan penggubah yang terkenal dalam bidang muzik. Beliau merupakan lulusan dalam Yamaha Electone Grade 5 (Performance dan Fundamentals) beliau juga mengambil violin sebagai alat muzik kedua semasa menuntut di ASK dan beliau mempunyai latar belakang tari dengan memperolehi Sijil Senior Grad Exam Royal Academy of Dancing, London (1989).



Semasa di ASK, beliau berpeluang menceburi bidang lakonan teater tradisional dan diberi peranan sebagai penari dalam mak yong (1999) dan sebagai pemuzik violin dalam bangsawan (1998) beliau juga menyertai persembahan wayang kulit (1997 & 1998) dan Bengkel Apresiasi Seni Muzik Tradisional Melayu.

Sepanjang empat tahun di ASK, beliau telah menemui minat dan bakat sendiri iaitu bakat dalam gubahan dan komposisi. Beliau berhasrat melanjutkan pelajaran ke Universiti luar negara.

ERIC KOK - Di ASK produksi-produksi yang telah dibuat adalah seperti persembahan wayang Kulit, bangsawan *Haris Fadillah* (1997), mak yong (1998), *Randai Si Karang Manih* (1999), koir, *Midsummer Night's Dream* (1998) dan *Ensemble Keroncong*, Juara Malaysian Guitar Festival '96.



Juga aktif untuk produksi luar. Mencipta muzik bagi tari di Hong Kong Dance Festival (1997), Tari '96, Tari '98, *Akar '97* (Aida Redza) Tunjang (Langkawi Radison 1997- Suhaimi Magi dan Aida Redza) Nusantara (Rivergrass 1998) dan *Salam Benua- Tribute to Usman Awang* (Actors Studio).

Bagi muzik untuk teater pula, *The Trees* (Actors Studio) *Four Men and A Women* (Actors Studio 2000) *Chicken Parts I, II* (Actors Studio/ Nyoba Dancers) dan *Dream of Utopia* (Actors Studio)

Muzik sahaja, *Rhythm in Bronze* 1999 (Sunetra Fernando - Five Arts Centre), menjadi penyanyi latar untuk Juara Lagu, pemuzik Citrawarna, juga bermain muzik di hotel dan kelab seperti Regent, Equatorial, Selangor Club, Lake Club dan KLCC.

Sememangnya menyukai muzik tradisional. "I love to experiment and fuse".

JUANITA ISMAIL dilahirkan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 16 Disember 1977 dan dibesarkan dan menetap di Raub, Pahang Darul Makmur. Berkelulusan SPM dan mula berkecimpung dalam bidang seni semenjak di bangku sekolah lagi. Mengambil jurusan muzik dan memilih Electone sebagai alat utama dan vokal sebagai alat kedua. Melibatkan diri dalam produksi-produksi ASK seperti 'Bangsawan Haris Fadhillah', 'Mak Yong Anak Raja Gondang' dan 'Randai Si Karang Manih'. Turut membantu dalam produksi-produksi lain sebagai chorus, penyanyi extra-turn dan pembantu vocal. Pernah melibatkan diri ialah seperti menjadi penyanyi latar untuk RTM, TV3, Konsert DBKL, Rakaman Studio dan beberapa pertandingan Juara Lagu. Turut terlibat dalam Pertandingan Komposer yang dianjurkan TV3 dan menyanggah Persembahan Terbaik. Produksi-produksi luar yang pernah diceburi seperti 'The Story Teller', 'Tiang Seri Tegak Berlima', 'Penyerahan Putri', 'Pelayaran Nur Atma', 'Rhythm In Bronze' dan yang terbaru teater 'Raden Galoh'. Semuanya sebagai pemuzik, chorus dan penyanyi. Bercita-cita untuk menjadi seorang artis yang disegani.



JUNAINAH BT. M. LOJONG dipanggil June di kalangan rakan-rakan. Gadis kelahiran Johor Bahru ini bercita-cita melanjutkan pelajaran di bidang tari dan menjadi seorang koreografer.

Pernah melibatkan diri dalam beberapa persembahan tarian di luar dan teater di sekitar K. Lumpur. Pernah mewakili Akademi Seni Kebangsaan untuk mengadakan persembahan tarian di Sepanyol.

Antara karya yang pernah dihasilkan selama di ASK: *Hidupku* (1997), *AH.....HA.....* (1998) dan *Serabut* (1999).



NOORAINI BT. HARUN berasal dari Johor Bahru dan pernah berkhidmat sementara di Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor sebelum meneruskan karier di Akademi Seni Kebangsaan. Selain daripada seni tari, juga terlibat dalam produksi-produksi teater di ASK mahupun produksi luar. Juga turut melibatkan diri dalam bidang pengurusan serta kerja-kerja di belakang pentas.

Di ASK, banyak mendedahkan diri dalam pelbagai bidang ilmu seni dengan menyertai beberapa produksi ASK. Antaranya, pementasan bangsawan *Raja Laksamana Bentan* (1996), *Ribut* (1997), bangsawan *Haris Fadillah* (1997), mak yong *Raja Tangkai Hati* (1998) dan bangsawan *Bendahara Garang Perak* (1998). Beliau juga aktif menyertai beberapa produksi luar seperti teater *Ayu Cendana* (1999), *Laila Majnun* (1998), *Puteri Cantik Sayang Li Po* (1999) dan *Keris Sang Puteri* (1999).

Telah menghasilkan beberapa buah karya, antaranya *Anarki* (1996), *Langkahku* (1997), *Sedar* (1998) dan *Aku Nak Menang* (2000). Juga turut terlibat dalam pementasan tari seperti *In Retrospect* (1998), *Awas* (1999) dan *PUTERA* (2000).



SUHAILA SULAIMAN gadis tinggi lampai yang berasal dari Johor Bahru ini merupakan anak ke dua daripada enam adik-beradik. Menyedari akan minat dalam bidang kesenian sejak di bangku sekolah lagi menyebabkan bertekad untuk meneruskan pengajian di ASK setelah tamat pendidikan di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Bercita-cita untuk menjadi seorang penggiat seni yang serba boleh, aktif menyertai beberapa produksi tari yang dianjurkan oleh ASK seperti TARI '96, TARI '98, Festival Tari Kebangsaan, Anugerah Seni Negara '99, *Akar, Umbivolusi, Hakikat-hakiki, Kinarangan, Keliru, Kau dan Aku, Jan-Jan Jala, Tik-Tok, Why? Ronyok, Awas dan Putera*.

Selain menari, bakat lakonan juga mula diasah melalui beberapa pementasan teater seperti *Raja Laksamana Bentan, Haris Fadillah, Bendahara Garang Perak, Alang Buana, Raja Bongsu Sakti, Raja Tangkai Hati, Dewa Muda, Puteri Saadung, Opera Ayu Cendana*, projek pengarahannya *Suara-Suara Mati, Titik Semalam dan Gapai*.

Juga turut menimba pengalaman secara tidak langsung dengan menyertai beberapa cabang aktiviti kesenian di luar ASK sama ada terbabit dalam tenaga produksi, penari, pelakon teater, drama, tv komersial dan juga model secara sambilan. Telah menubuhkan 'production house' nya sendiri sejak setahun lalu dan berharap agar segala usaha yang dilakukannya sekarang dapat dijadikan panduan untuk membina kejayaan.



SALIZA ALI gadis berbilang Libra ini merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradik. Anak jati Johor yang berkulit hitam manis ini sesuai dinamakan Saliza Ali.

Bakat seni semulajadi yang ada dalam dirinya dapat dilihat sejak di sekolah tadika lagi. Kini meneruskan bakatnya di ASK dalam bidang seni tari. Banyak persembahan tari yang telah disertainya. Antaranya ialah yang dianjurkan oleh ASK seperti *Akar*, *Umbivolusi*, *Putera* dan lain-lain. Juga ada membuat persembahan di luar negara iaitu sempena festival di Hong Kong dan Sepanyol.

Boleh berlakon dan menyanyi. Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan dalam teater muzikal seperti *Bakai*, *Keris Sang Puteri*, *Opera Ayu Cendana*, *Dari Bintang ke Bintang*, mak yong dan bangsawan.



Turut menghasilkan beberapa buah karya seperti *Cengkam*, *Titik Mula* dan *Tik Tok*. Salah seorang penari dari kumpulan ShaktiDance dan telah membuat persembahan di Langkawi, Concorde Hotel dan lain-lain. Mempunyai cita-cita besar untuk menubuhkan kelas tari sendiri suatu hari nanti.

YUNI NORLEITEY YUNOS adalah pelajar Tahun Akhir di Program Seni Tari Akademi Seni Kebangsaan. Gadis kecil molek keturunan bugis ini berasal dari Pontian, Johor. Mula berkecimpung dalam seni persembahan khususnya seni tari tradisional, sejak dari bangku sekolah tadika lagi. Keluarga dan persekitaran menjadi pendorong utama untuk mendalami bidang senitari secara profesional. ASK menjadi medan yang tepat untuk mencanai bakat secara bersepadu meliputi setiap komponen seni persembahan.



Pada tahun 1997, menghasilkan karya tari bertajuk *'Hakikat-Hakiki'* yang dipersembahkan dalam Tari '97. Terlibat dalam Festival Tari Kebangsaan (FTK) 96,97 dan 98. Antara persembahan besar yang disertai adalah *'Akar'* hasil koreografi Suhaimi Magi, *'Awas'* dan *'Putera'* hasil karya Joseph Gonzales. Di ASK, telah mencipta dan mempersembahkan karya-karya lain seperti *'Sakit...'* (1998), *'Jan-Jan Jala'* (1998) dan *'When I Fall In Love'* (1999).

Juga terlibat dalam persembahan Anugerah Seniwati Negara 1999, Spain Internasional Folk Dance Festival 1999. Persembahan komersil di Brunei Darus alam serta persembahan lain di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

Juga terlibat dalam pementasan teater arahan Seniwati Negara, Pn. Khatijah Awang, seperti *'Kejujuran'*, *'Raja Bongsu Sakti'*, *'Raja Tangkai Hati'* dan *'Dewa Muda'*. Di bawah bimbingan dan arahan A. Rahman B, terlibat dalam *'Raja Laksamana Bentan'*, *'Haris Fadhillah'*, *'Bendahara Garang Perak'* dan *'Alang Buana'*.

Pernah berlakon dalam produksi luar seperti *'Bakai'* arahan U-Wei Hj. Shaari, *'As-syurah'* arahan Samad Salleh dan bimbingan Rosminah Tahir, *'Sungai Mengalir Lesu'* arahan Wahab Hamzah, *'Penyerahan Puteri'* arahan Normah Nordin, *'Imam'* arahan Zakaria Ariffin dan *'Ayu Cendana'* arahan Fauziah Nawati.

Telah berlakon dalam drama TV *'Laungan'* arahan Norhalim dan *'Sg. Ujung'* arahan Z. Lokman. Memegang watak pembantu dalam drama TV bersiri *'Antara'* arahan Yusof Mawi.

Bercita-cita untuk memartabatkan setiap jurus seni secara ilmiah dan profesional agar ia bukan sahaja dihormati masyarakat, malah secara menyeluruh dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang berbudaya.

AFNA JUTTARINA BT ALI AMBERAN, anak kelahiran Sg. Buloh, Selangor ini mula berkecimpung dalam bidang tarian sejak di bangku sekolah lagi. Setelah menamatkan pelajarannya telah menyertai Kumpulan Kebudayaan di Pulau Langkawi selama setahun. Jangkamasa tersebut telah mendedahkan kepada pelbagai bentuk persembahan tarian tradisional.

Memasuki Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1996. Pembelajaran selama empat tahun telah terdedah kepada tarian moden dan tradisional, terutamanya tarian istana yang menjadi satu inspirasi untuk terus berjuang dalam bidang seni. Antara koreografi yang pernah dihasilkan adalah seperti *'Pencarian'*, *'Penemuan'*, *'What is that?'* dan *'Sirat'* untuk projek tahun akhirnya. Turut berpeluang berkarya bersama rakan-rakan sepejuangan yang bertajuk *'Hakikat Hakiki'*.

Sering terlibat dalam pelbagai projek dan program yang dianjurkan oleh Akademi Seni Kebangsaan dan organisasi luar. Antaranya bangsawan *'Raja Laksamana Bentan'*, *'Haris Fadhillah'*, *'Bendahara Garang Perak'*, teater Mak Yong *'Raja Tangkai Hati'* dan *'Raja Bongsu Sakti'*. Juga turut menjayakan beberapa aktiviti anjuran Jabatan Tari seperti festival-festival tari, Tari '96, Tari '98, dan *'Putera'* koreografi Joseph Gonzales. Turut menjayakan beberapa aktiviti jabatan lain seperti pengarah teater *'Salina'*, *'Tapi Jebat'* dan lain-lain lagi. Yang terkini adalah *'Opera Ayu Cendana'*.

Bercita-cita untuk mengembangkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang seni tari tradisional, terutamanya tarian istana. Kemungkinan suatu hari nanti dapat menggantikan tokoh-tokoh tarian yang sedia ada dan memperkembangkan lagi ke serata dunia.



Dilahirkan pada 20 Disember 1978, **KAMELIA SURIA KAMARUDDIN** merupakan anak jati negeri Perak. Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Selekoh dan di Sekolah Menengah Tun Abdul Razak.



Cenderung kepada karya yang bertemakan politik dan kekeluargaan. Diantara karya yang dihasilkannya ialah Skrip Drama Pentas bertajuk *'YB Sidek!'* yang telah dipentaskan untuk kursus Bengkel Penulisan Semula dan untuk PeTA 2000 kali ini, menulis sebuah skrip Filem yang bertajuk *'Wasilah'*. Terlibat dalam penghasilan filem pendek di bawah kursus Penulisan Skrip Filem yang bertajuk *'Traumatik'* dan bertindak sebagai pengarah bersama, jurukamera dan penyunting. Turut berminat dalam penulisan lirik: antaranya *'Janji'* untuk pencipta lagu Leonard Yap (PeTa 2000) dan *'Satu Dunia'* - lirik bersama Mohd Razif Nizam Abdullah (Sasaran ASK 1999).

Selama empat tahun di ASK, telah melibatkan diri dalam bangsawan *'Haris Fadhillah'* (1997), *'Bendahara Garang Perak'* (1998) dan *'Alang Buana'* (1999). Bagi produksi mak Yong *'Raja Tangkai Hati'* pula bertindak sebagai penolong pengurus pentas. Produksi-produksi lainnya ialah *'Ribut'* (1997), *'Lady Of Eguichi'* (1999-persembahan di Universiti Multimedia), *'Malam Kembara Puisi'* (1998) dan *'Malam Puisi Warisan'* (1999). Mendapat bimbingan Bayu Utomo Radjikin sebagai pembantu rekaan set dan prop untuk teater bertajuk *'Azad dan Chun Li'* (PeTa 1998) serta sebagai penolong pengurus pentas untuk teater Bagaton (1999) dan *'Ana'* (1999).

Pernah mencuba bakat dalam bidang lakonan untuk projek *'Solek dan Kostum'* (1998). Dalam bidang muzik pula mengambil kursus elektif Tak Lempong dan pernah membuat persembahan untuk Majlis Penutup Bengkel Muzik Tradisional ASK (1998). Kini mempelajari kursus Koir di bawah bimbingan Encik Suhaimi Nasution selama dua semester.



LENA FARIDA HUSSAIN CHIN atau Lena merupakan anak kelahiran Pulau Pinang dan anak kedua daripada empat beradik. Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Permai dan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah (P) St. George, Pulau Pinang. Merupakan pelajar yang aktif dalam sukan dan kegiatan drama. Telah beberapa kali memenangi pertandingan drama di peringkat negeri, zon dan juga kebangsaan.

Selepas tamat persekolahan menjadi ahli Persatuan Artis Bangsawan Pulau Pinang (PERAWAN) dan tenaga produksi 'Malam Selaut Kasih Segunung Sayang' iaitu malam penghormatan kepada Primadona Mak Minah Alias. Bangsawan *Tragedi Raden Mas* sebagai tenaga produksi dan pelakon tambahan. Merupakan ahli Persatuan Muzik Tradisional (KESETRA) di Pulau Pinang.

Semasa di ASK melibatkan diri dalam *Raja Laksamana Bentan* (Krew), *Haris Fadilah* (Krew), *Ribut* (Penolong Peraka Set), *Impian Di Musim Panas* (Penolong Pengurus Pentas), *Bendahara Garang Perak* (Pengurus Pentas), *Bagato* (Pengurus Pentas), *Anna* (Pengurus Pentas), *SASARAN ASK* (Pengurus Pentas), *Macbeth* (Penerbit), mak yong *Raja Tangkai Hati* (Publisiti, Pemasaran dan Dokumentasi), Majlis Konvokesyen ASK 1997/98 (Krew Pentas), Majlis Konvokesyen ASK 1998/99 (Dokumentasi) dan pelbagai lagi.

Karya-karyanya yang dipentaskan ialah *Monolog Bangau Oh Bangau*, *Inkarnasi*, *Titik Semalam*, *Negeri Bertuan* dan akan datang *Monolog Tapoh Manja*. Karya-karyanya yang diterbitkan ialah skrip drama pentas *Tun Kudu* dalam *Buku Mahkota Pusaka*, artikel *Boria-Teater Tradisional Yang Semakin Dilupai*, puisi Melayu *Mampir Di Lorong Garu* dan *Kemboja Kiriman Awal Pada Halida*.

Produksi filem pendek *Traumatik* selaku panel skrip, jurukamera dan pengarah. Produksi luar rancangan televisyen *Al-Furqan* (Pelakon Sketsa), *Pantomim Majlis Kesyukuran Kegawatan Ekonomi 1998* (Pelakon) dan *Durian Gergasi* (Penolong Pengurus Pentas).

Setelah tamat pengajian berharap menjadi pensyarah, pengarah, penulis skrip dan memiliki syarikat penerbitan dan perniagaan sendiri. Dorongan keluarga begitu kuat untuk terus berusaha. Bagi Projek Tahun Akhir telah menulis sebuah Skrip Drama Pentas (panjang) bertajuk '*Setia Merdeka*'.

MASNITAWATI ALADIN atau nama penanya Mata A'din, anak kelahiran Ipoh, Perak. Dilahirkan pada tanggal 30 April 1976. Mendapat pendidikan sehingga ke peringkat SPM, dan kini akan menamatkan pengajian Diploma Penulisan setelah 4 tahun bergelumang dengan dunia seni di Akademi Seni Kebangsaan.

Penglibatan awal di ASK, sebagai krew belakang pentas produksi bangsawan *Raja Laksamana Bentan* (Ogos 1996) dan Hari Terbuka ASK. Tahun berikutnya, sebagai krew bangsawan *Haris Fadilah dan Bendahara Garang Perak* (1998) menjadi tenaga produksi sebagai assistant stage manager merangkap setiausaha. Seterusnya, menjadi krew Konvokesyen Pertama ASK. Kemudian, mengetuai pameran Produksi Mak Yong dan pameran AWAS pelajar tari.

Pernah mengikuti Bengkel Penulisan Lirik (1-7 Sept 1997) di Waterfall, Kota Tinggi sebagai urusetia, sekaligus menjadi pengacara majlis nyanyian karaoke. Pernah berlakon ketika mengikuti kelas Solek dan Kostum (1998). Sebagai peserta Malam Puisi Kemanusiaan (1997). Turut terlibat dalam persembahan Malam Kembara Puisi (1998) dengan mendeklamasikan puisi hasil karya sendiri yang berjudul *Bunga Munajat* secara berduet dengan Roziah Adama. Kemudian, sekali lagi membuat persembahan membaca pantun secara berduet bertajuk *Pantun Nasib Badan* ketika Malam Puisi Warisan (1999). Begitu juga, pada 21 Ogos 1999, terlibat diri dengan membaca puisi karya Siti Zaimon Ismail (Kau Nyalakan Lilin) secara berkumpulan ketika Apresiasi Puisi (MAKUM) hasil gabungan seluruh IPT tempatan. Penglibatan luar pula, ketika



ASK bergabung dengan UIA membuat persembahan lakonan (pantomim) sempena Malam Kesyukuran (1998). Selain itu, menjadi tenaga produksi *Durian Gergasi* (teater kanak-kanak, arahan Ladin Nuawi).

Karya-karya beliau yang pernah diterbitkan dalam suratkhbar dan majalah tempatan seperti *Mingguan Malaysia*, *Berita Harian*, *URTV* dan *Harian Watan*. Antara judul karya beliau yang telah diterbitkan iaitu *Ikhlis*, *Sementara*, *Sejenak Jarak*, *Kita Tidak Punya Lagi*, *Kontang dan Bunga Munajat*.

MOHD YA LATIP MOHD DAUD merupakan anak bongsu daripada empat belas orang adik beradik kelahiran Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Selama berada di Akademi Seni Kebangsaan, beliau melibatkan diri dalam setiap produksi. Tidak hanya teater tradisional, malah teater klasik barat dan teater moden juga.

Antara produksi ASK yang beliau terlibat ialah dalam produksi *Macbeth* (1999) sebagai pengurus produksi, mak yong *Raja Tangkai Hati* (1999) sebagai penolong pengurus pentas. Malam Kembara Puisi (1998) sebagai penolong pengurus pentas juga pemuisi. Produksi Malam Puisi Warisan (1999) sebagai pemuisi.

Juga terlibat sebagai pelakon dalam produksi bangsawan *Raja Laksamana Bentan* (1996), *Haris Fadillah* (1997) dan *Bendahara Garang Perak* (1998). Sebagai tenaga produksi dalam bangsawan *Alang Buana* (1999), *Syamsir Alam* (2000) dan Teater Adaptasi *Ribut* (1997). Turut melibatkan diri dalam aktiviti para pelajar dalam produksi *Inkarnasi* (1999) sebagai pelakon, *Suara-Suara Mati* (1999) sebagai penolong pengurus pentas, *Azad Dan Chu Li* (1998) sebagai pembantu rekaan set dan prop bimbingan En. Bayu Utomo, *Sangkar Madu* (1996), *Lady Of Eguchi* (1999) dan banyak lagi.

Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti luar seperti menjadi penyanyi lagu rakyat dan pemuzik dalam Malam Puisi Senandung Rasa (1999), tenaga produksi dalam *Taridra Tun Fatimah* (2000) arahan Datin Azanin Dato' Ahmad. Pernah menghasilkan filem pendek bertajuk *Traumatik* (1998) sebagai pelakon, pengarah bersama, penyunting, penata muzik dan panel skrip dan juga mementaskan karyanya *Qothrun Nada* (1999) dalam proses Penulisan Semula Skrip Pentas. Pernah mendalami ilmu dalam bidang muzik dengan mengikuti kursus koir bimbingan En. Suhaimi Nastuon dan Gamelan bimbingan dari En. Rahbeni Mutaal.



Harapan setelah tamat pengajian ialah untuk menjadi penulis yang dikagumi dan dihormati. Cita-citanya ialah untuk memiliki syarikat penerbitan sendiri. Sebagai melaksanakan Projek Tahun Akhir, telah menulis sebuah lakon layar.

OOI SWAN SWAN, anak keturunan Cina dari Perak yang berumur 25 tahun ini suka bergaul dengan kawan-kawan Melayu sejak kecil. Berminat dengan kesopanan dan kehalusan budaya Melayu serta sastera Melayu. Ketika ditawarkan masuk ke ASK, juga menerima tawaran dalam bidang pengurusan perniagaan di sebuah kolej swasta serta sokongan kewangan dari pihak keluarga tetapi memilih ASK dan bercita-cita menjadi penulis dan pengkritik.



Mendapat pengalaman yang mencabar selepas mempelajari bidang penulisan di ASK. Menyertai Seminar Seni dan Sastera di Langkawi pada tahun 1997. Menghasilkan karya skrip drama pentas *Misteri*, *Konflik Seniman* dan *Adhoc*. Juga mengolah bangsawan Cina berjudul Sam Pek Eng Tai ke dalam jurnal bahasa Melayu. Dalam bidang penulisan skrip filem *Konflik Seni* dihasilkan. Selepas mempelajari kritikan filem, dapat merasakan minat yang mendalam lalu mencintai bidang ini dan mula mengkritik filem. Kritikan Filem mengenai filem Yusuf Haslam telah diterbitkan dalam Berita Harian. Dapat merasakan jiwa diri adalah dalam bidang kritikan filem. Oleh itu, mengambil keputusan menjalankan Projek Tahun Akhir dengan mengkritik filem Suhaimi Baba. Selepas menjalani Latihan Industri di RTM, telah ditawarkan oleh Redang Ventures Sdn. Bhd. sebagai penulis skrip dokumentari untuk rancangan *Moving On 2* RTM dalam segmen Bold Move. Dokumentari mengenai butik Cherita di KL Hilton telah diterbitkan di RTM TV2 pada 26 Mac 2000.

Juga menceburi bidang teater, tari dan muzik. Pernah menjadi pelakon dalam pantomin Malam Pengorbanan dan Kesyukuran Rakyat. Menjadi penari dalam bangsawan *Bendahara Garang Perak*. Menjadi pemain muzik Gamelan di malam Gemilang ASK pada tahun 1998. Juga melibatkan diri dalam pengurusan persembahan menjadi penolong pengurus pentas untuk bangsawan *Haris Fadillah* (1997), pereka set dan props untuk pementasan *Sangkar Madu* (1996), pembantu penata cahaya untuk pengarah *Penjual Bunga* (1998) dan mak yong *Raja Tangkai Hati* (1999).



RASIDAH LUDIN anak kelahiran Pulau Pinang ini lebih berminat mendalami bidang kesusasteraan. Setelah berjinak-jinak dalam bidang penulisan ketika menyertai pelbagai bengkel dan kursus yang dianjurkan oleh Rakan Muda di Pulau Pinang, mengembangkan bakat dan minatnya di Akademi Seni Kebangsaan dalam jurusan Penulisan.

Sepanjang empat tahun di Akademi Seni Kebangsaan, di dedahkan dengan pelbagai aspek genre penulisan. Sering menyertai seminar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan FINAS. Antaranya ialah menyertai Seminar Seni dan Sastera (1997) di Langkawi.

Di samping menceburi bidang penulisan, juga turut melibatkan diri dalam program dan produksi yang dianjurkan di Akademi Seni Kebangsaan dan luar kampus dalam bahagian pengurusan. Antaranya ialah Tari '96, teater adaptasi *Ribut* (1997), bangsawan *Haris Fadillah* (1997), bangsawan *Bendahara Garang Perak* (1998), Sasaran ASK (1998), Gemilang ASK (1998), bangsawan *Alang Buana* (1999), mak yong *Raja Tangkai Hati* (1999), teater klasik *Macbeth* (1999) dan *Lady of Eguichi* (1999).



SITI ANISZUANA BT. BAHRAN atau lebih dikenali dengan nama Aniszuana Bahrhan merupakan anak kelahiran Batu Pahat, Johor. Meminati bidang penulisan sejak di bangku sekolah rendah. Setelah tamat menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia dengan mengambil Rancangan Sijil Seni Kreatif dalam bidang Kesusasteraan Sesi 1995/96 selama setahun. Kemudian menyambung pengajian di Akademi Seni Kebangsaan dalam Program Diploma Penulisan selama empat tahun.

Sepanjang pengajian di Akademi, melibatkan diri dalam Dikir Barat pada Hari Terbuka ASK 1996, tenaga pengurusan festival Tari Kebangsaan 1996, '*Panglima Garang Perak*', '*Haris Fadillah*', '*Alang Buana*', '*Raja Tangkai Hati*', '*Dewa Muda*' dan teater adaptasi '*Ribut*'. Turut melibatkan diri dalam produksi seperti '*Lepat Pisang Kopi O*' dan '*Tapi Jebat ...*' sebagai pengurus pentas. Juga berminat dengan muzik gamelan dan pernah menyumbangkan tenaga dalam Majlis Konvoquesyen ASK 1996/97 sebagai pemuzik malah menjadi peserta Seminar dan Apresiasi Muzik Tradisional pada tahun 1997.

Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti luar seperti menjadi tenaga pengurusan teater '*Anugerah*', teater Inggeris '*Storry Teller*' dan teater kanak-kanak '*Muzikal Lagenda P.Ramlee*'. Ahli Persatuan Penulis Johor (PPJ) sejak tahun 1992. Cerpen '*Diari Hidupku*' memenangi tempat pertama Hadiah Remaja Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat pada tahun 1992. Cerpen '*Keinsafan*'. Antara puisinya tersiar di akhbar-akhbar tempatan termasuklah '*Pantas Sebuah Pintu*', '*Buah Tangan*', '*Kenangan*', '*Mawar Buat Seniwati*', '*Sesetia Sunyi Pada Malam*' dan '*Perang Poster*'. Juga menulis dalam genre sastera lain seperti kritikan dan penulisan skrip.



Harapan setelah tamat pengajian menjadi penulis yang berbakat dan berjaya serta memiliki syarikat penerbitan atau perniagaannya sendiri. Sebagai melaksanakan Projek Tahun Akhir, telah menulis sebuah skrip lakon layar cereka filem.

SITI ROHANA ABDUL JALIL anak jati Negeri Sembilan ini merupakan anak bongsu daripada lima beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent Seremban dan Methodist High School Seremban. Selepas Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang Penulisan.

Semasa di Akademi Seni Kebangsaan banyak melibatkan diri dalam segala aktiviti. Di antaranya bangsawan *Raja Laksamana Bentan* (1996), *Haris Fadillah* (1997), *Alang Buana* (1999) setiap satunya sebagai pembantu produksi. Manakala dalam *Bendahara Garang Perak* (1998) sebagai Permaisuri Aceh. Produksi luar iaitu mak yong *Raja Bongsu Sakti* (1998) sebagai pelakon dan produksi mak yong di ASK, *Raja Tangkai Hati* (1999) berlakon sebagai Raja Besar.

Dalam drama klasik Barat iaitu *Macbeth* (1999) sebagai Pengurus Pemasaran dan Publisiti. Teater *Lady of Eguichi* (1999) sebagai pelakon. Teater *Inkarnasi* (1999) sebagai pelakon. Teater *Dr Faustus* (1998) sebagai koordinator tatacahaya. Malam Puisi Warisan 1999 sebagai pengarah persembahan dan Malam Puisi Senandung Raja (1999) sebagai pengurus projek.



Menghasilkan filem pendek yang bertajuk '*Yang Sewaktu dengannya*' sebagai pelakon, pengarah bersama dan penyunting. Terlibat dalam bengkel penulisan semula drama '*Mengejar Kebahagiaaan*' 1999.

Sebagai melengkap projek tahun akhir, memilih kajian teks yang bertajuk 'Kajian Historikal dalam drama-drama terpilih Mohamed Zahir Ismail.' Harapan selepas menamatkan pengajian di Akademi Seni Kebangsaan akan melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi lagi.

WAN HAZELINDA MOHAMED anak kelahiran Darul Takzim ini lebih berminat dalam mendalami ilmu di bidang kesusasteraan dan pengurusan seni. Setelah berjinak-jinak dalam bidang penulisan di Sekolah Menengah (P) Sultan Ibrahim, Johor Bharu, terus mengembangkan bakat dan minatnya di Akademi Seni Kebangsaan untuk berjaya dalam pelbagai bidang seni.



Sepanjang empat tahun di Akademi Seni Kebangsaan, banyak didedahkan tentang pelbagai aspek dalam pelbagai genre penulisan. Justeru, dengan pendedahan itu, sering mengikuti perkembangan dalam bidang penulisan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, FINAS, dan persatuan penulis lain. Antaranya ialah menyertai Seminar Seni dan Sastera (1997) di Langkawi dan Pertemuan Sasterawan Nusantara X dan Pertemuan Sasterawan Malaysia I (1999) di Johor Bharu.

Turut melibatkan diri dalam program dan produksi yang dianjurkan oleh Akademi Seni Kebangsaan dan luar kampus iaitu dalam bidang pengurusan dan belakang pentas. Antara program dan produksi tersebut ialah Tari '96, teater adaptasi *Ribut* (1997), *Haris Fadillah* (1997), *Bendahara Garang Perak* (1998), Malam Kembara Puisi (1998), Sasaran ASK (1998), Gemilang ASK (1998), *Alang Buana* (1999), *Raja Tangkai Hati* (1999), teater moden *Imbas* (1999), teater adaptasi *Macbeth* (1999), teater *Lady of Eguichi* (1999), *Dewa Muda* (2000), *Shamsir Alam* (2000) dan beberapa teater arahan pelajar-pelajar ASK sendiri.

WAN NORSIAH ABDULLAH anak kelahiran Terengganu ini diluluskan cuti separuh gaji oleh YB. Setiausaha Kerajaan Terengganu, bagi diberi peluang mendalami bidang seni di ASK. Meminati bidang Penulisan Skrip Drama TV dan Filem, bercita-cita untuk memiliki sebuah syarikat produksi sendiri.

Merupakan ahli **PELITA** (Persatuan Penulis Terengganu), lebih dikenali sebagai penulis skrip drama radio RTM, Kawasan Timur. Turut bergiat di bidang penulisan puisi pada awal 1990. Puisi-puisinya tersiar di *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Mingguan Wanita*, *Bacaria* dan juga *Buletin Darul Iman*, Terengganu. Selain itu puisi-puisi beliau turut dianatologikan. Melalui *Antologi Wilayah Permata*, iaitu sempena Perayaan 25 Tahun **PELITA**, lima buah puisinya terpilih. Manakala dua buah puisi beliau iaitu "*Wilayah Permata*" dan "*Pertemuan Malam Ini*" turut mendapat tempat di dalam *Antologi Mutiara Timur*, terbitan DBP, 1993.

Selama empat tahun di ASK, turut menimba ilmu dan pengalaman melalui produksi-produksi anjuran ASK. Beliau dilantik sebagai Pembantu Panggung, Ketua Percetakan, Ketua dan Pembantu Pameran, Pembantu Kostum serta selaku Sekretariat di *Laksamana Bentan* (1996), Tarian Kontemporari Malaysia - *Warisan Bangsa* (1996), bangsawan *Haris Fadilah* (1997), *Bendahara Garang Perak* (1998), teater adaptasi *Ribut* (1998), *Raja Tangkai Hati* (1999) serta juga Majlis Konvokesyen ASK (1998) dan (1999).

Turut dilantik sebagai Urusetia Kursus Penulisan Skrip Drama TV Asas, anjuran Wadi Kreatif, di Ampang, Kuala Lumpur pada tahun 1999.

Dalam drama *Jebat* (komedi), beliau memegang watak *Jebat* untuk pementasan Solek dan Kostum pada tahun 1998, di Mini Auditorium, **MATIC**. Manakala skrip drama pentas "*Kasut*" karyanya, telah dipentaskan pada Mei 1999, di Mini Auditorium, **MATIC**.

Untuk PETA 2000 Menghasilkan 'Kritikan sosial dalam filem-filem pilihan P. Ramlee'



SABILAH KADIR anak gadis jati Negeri Di Bawah Bayu berbilang Scorpion, lebih dikenali dengan panggilan Ba'Bai merupakan anak bongsu daripada tujuh orang adik beradik. Kehidupan ini terlalu sukar untuk ditafsirkan adalah falsafah hidup. Meninggalkan Jabatan Perangkaan Sabah setelah menyedari Akademi Seni Kebangsaan adalah tempat mengubah corak hidup dan mengasah bakat dalam bidang penulisan.



Pemhijrahan ke Kuala Lumpur adalah titik mula bergiat dalam genre, puisi, cerpen, novel, kritikan, skrip drama pentas, TV, dan Filem. Mendeklamasikan puisi *Pesan Seorang Ayah* di Malam Kenduri Puisi di Dataran Merdeka, Sasaran di Teater keliling Komanwel ASK dan *Rimba Merdeka* di malam Kembara Puisi. Puisinya berjudul *Pengertian* menjadi puisi latar dalam koreografi tari *Kudra....Iradat* oleh Azura Abal Abas. Novel pertama *Meniti Kasih* dalam proses penerbitan. Rhythm Publisher dan karyanya yang lain tersiar di *Dewan Sastera*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Remaja*, *Wadah* dan akhbar tempatan di Sabah.

Sepanjang pengajian di ASK menimba pengalaman dalam bidang pemasaran dan publisiti Hari Terbuka ASK '96 (1996), Pegawai pameran teater *Ribut* (1997), pengurus panggung bangsawan *Bendahara Garang Perak* (1998), publisiti *Gemilang ASK '98 & Konvokesyen* (1998), publisiti dan percetakan Sasaran (1998), setiausaha Malam Kembara Puisi (1998), pengurus puisi (1998), krew bangsawan *Alam Buana* (1999), publisiti teater randai *Si Karang Manih* (1999), percetakan dan dokumentasi PeTA '99 (1999), sambutan dan protokol Konvokesyen (1999), penerbit teater *Imbas* (1999) dan publisiti bangsawan *Syamsir Alam* (2000).

AZAHA OTHMAN dilahirkan dalam sebuah keluarga petani pada 17 April 1972 di Kampung Mengabang Panjang, Batu Rakit, Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pagar Besi, Batu Rakit Kuala Terengganu dan Sekolah Menengah Tengku Mizan Zainal Abidin Kuala Terengganu. Kemudian mendapat pendidikan tinggi di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dengan Sijil Seni Kreatif (Kesusasteraan). Menyedari kepentingan pendidikan membawanya lagi ke Akademi Seni Kebangsaan dalam Program Diploma Penulisan. Sekarang berada di tahun akhir di Akademi ini.

Menulis pelbagai genre sastera termasuk puisi, cerpen, novel, skrip drama pentas, skrip drama TV, penulisan berita dan rencana sastera serta kritikan seni persembahan. Antara karya yang telah dihasilkan termasuklah novel *Mewarna Gerhana* 1991 dan *Surut-Surut Ombak* 1992 oleh DBP, *Antologi Puisi Di Jaring Mimpi* 1994 oleh Pelita, *Sembilu* 1996 oleh Kumpulan Karangkrak Sdn. Bhd. Di samping itu, 15 buah cerpen sedang dikumpulkan untuk diantologikan bila-bila masa sahaja.

Bagaimanapun, terdapat beberapa buah hasil kerjanya sewaktu di ASK sedang diusahakan penerbitan termasuklah dua buah novel, empat buah skrip drama pentas, dua buah skrip telemovie serta banyak menghasilkan kritikan teater dan rencana sastera di akhbar tempatan. Beliau berkeputusan melaksanakan kerja projek Tahun Akhir dalam penulisan skrip pentas.

Ahli Persatuan Sasterawan Terengganu (**PELITA**), ahli Kelab Sastera DBP dan ahli Kelab Pesona ini pernah memenangi Naib Johan Pertandingan Menulis Esei ASEAN bagi Beliau Kali Keempat Peringkat Sekolah di Malaysia 1988 anjuran Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia serta pernah menjadi Johan dalam Pertandingan Menulis Cerpen anjuran Kelab Sastera USM 1996.

Bercita-cita untuk menjadi penulis yang berjaya serta bercadang membuka syarikat sendiri dalam pengurusan skrip serta menyediakan produksi untuk teater menuju alaf baru akan datang.



BAK KATA PEPATAH, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Ke mana mengalirnya darah seni kalau tidak ke anak cucu. Kegiatan seni yang telah dilalui sejak kecil lagi memang satu yang kuat bagi dirinya. Itulah **ENGKU NORMALAREESA ENGKU MALIK**, anak kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang dengan kemasyuharan sejarah Puteri Sa'adong dan Tanah Serendah Sekebum Bunganya, yang kaya dengan seni dan budaya, kekal seja zaman berzaman. Di lahirkan pada 13 Jun 1978 di Kota Bharu Kelantan oleh seorang ibu bernama Norizam Zakaria.



Naluri seni mengalir dalam tubuhnya dipupuk sejak kecil oleh keluarganya dan dianyam apabila meneruskan pengajian di Akademi Seni Kebangsaan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang kesenian. Sebelum masuk ke Akademi Seni Kebangsaan sudah beberapa kali membuat persembahan bersama dengan Kumpulan Budaya Sri Temenggong di bawah pimpinan neneknya iaitu Seniwati Negara Khatijah Awang.

Setelah memasuki ASK banyak terlibat dengan persembahan Bangsawan *Keris Laksamana Bentan*, *Haris Fadilah*, *Bendahara Garang Perak*, *Mak Yong Anak Raja Gondang 1 & 2*, *Raja Tangkai Hati*, *Kejujuran*, *Raja Bongsu Sakti*, dalam drama pula seperti *Ribut*, *Impian Malam Di Musim Panas*, *Hamlet* dan *Macbeth*. Persembahan lain seperti *Tari '96*, *Story Teller*, *Azad* dan *Chun Li*, *Iqbal*, *Puteri Sa'adong*, *Mereka*, *Festival Filem Malaysia Ke 13* dan *Celebrate's The Women Voices*. Telah mengarah *Suara-Suara Mati* dan *Titik Semalam*.

Bagi Penilaian Tahun Akhir (PETA) bergabung bersama Saudari Mardian Ismail **MONOLOG "TAPOH MANJA"**. Berharap persembahan nanti dapat diterima ramai.

JAPRIN BIN KAPIS - Seni yang mengalir dari ayah seorang pemuzik tradisional - Lagu Dua (biola, akordian dan tegunggo serta kebolehan berpantun dendang secara spontan) ditambah dengan kemahiran ibu penari tradisional dendang. Awal tahun 1988 menyuburkan lagi penglibatan dalam bidang kesenian bermula dengan seni tari tradisional (Kump. Sri Tari Sandakan @ STS). Rupa-rupanya dalam seni tari mewarisi seni pantun dendang ayah yang berupa puisi, cerpen dan skrip drama radio. Dalam perjalanan mencari seni sendiri, terjun ke dunia teater dengan pekan teater (chorus dan lakon) hingga menyertai bengkel, kursus dan seminar kesenian dan kebudayaan sekitar Sabah.

Berpatah balik atau menukar bidang kerjaya bukan jalan yang singkat. Minat dan keyakinan yang begitu mendalam telah membawanya menerima pendidikan secara formal dalam bidang kesenian. Di sinilah mengenal ketidaksempurnaan sebagai manusia. Keterlibatan secara langsung atau tidak dalam setiap aktiviti kesenian dalam dan luar kampus sama ada atas pentas atau belakang pentas melihat ragam manusia perasa (seni) yang sentiasa panas dan melatah bila tersentuh.....

Antaranya: Kulit Wayangan (1996), bangsawan Raja Laksamana Bentan (Lakon-1996), mak yong Anak Raja Gondang 1 (krew-1996), Ribut (Lakon-1997), bangsawan Haris Fadillah (Krew & Lakon-1997), Impian Dimusim Panas (Lakon-1997), bangsawan Bendahara Garang Perak (Lakon&Pereka Kostum-1997), Sasaran ASK (Pengaruh Bagaton & Teknikal-1998), bangsawan Alang Buana (Lighting krew-1999), Hamlet (Penolong Pengurus Pentas & Teknikal-1999), Tari Kontemporari Awas (Pengurus Pentas-1999), mak yong Raja Tangkai Hati (Pengurus Pentas-1999), Randai Sikarang Manih (lighting Designer-1999), Macbeth (Lakon-1999), bangsawan Syamsir Alam (Pengaruh Teknikal-2000), Bagaton (Pengaruh-1998), Wira Bukit (Pengaruh-1999), Tari '96 & '98 (Lighting krew), Sa dan Di (Lakon-1996), Sangkar Madu (Lighting Designer - 1996), Bukan Bumuh Diri (PTA-Lakon-1996), Festival Tari Kebangsaan (Urusetia-1997), Malam Puisi Warisan (Pemuisi Warisan lagu rakyat-1999), Triple L (PTA-Lighting Designer-1999), Pemain (PTA-Lighting Designer-1999), Tari Tradisional (PTA-Lighting Designer-1999), Assyura (Gerak-1997), Uda dan Dara (PekanTeater KL-Lakon & Set -1998), Penyerahan Puteri (Krew-1998), Operatta Puisi Semuannya Anaku (Penolong Pengurus Pentas-1998), Install Dimana Joe Jambul (RTM-Lakon-1997), Apec Business Summit Malaysia 1998 (Penari), Durian Gergasi (Pembantu Pentas & Teknikal-1999) dan Bangsawan Kanak-Kanak Cermin Sapura (Penolong Penata Cahaya-2000).



"Dua tapak di depan penentu kejayaan, tapi sepuluh tapak ke hadapan adalah keperitan dalam kebahagiaan". Bermesra dengan alam mengajar menjadi manusia yang merasa dengan cahaya, warna, bentuk, pergerakan dan perubahan yang sedapat mungkin direalisasikan dalam satu ruang komunikasi yang kompleks dengan rencah kehidupan. Terima kasih pada Tuhan, ibubapa, mertua, anak (Iskandar Sahrin Arasy Sari), isteri, pensyarah dan sahabat-sahabat semua.

M. NASRI BIN AYOB dibesarkan dan mendapat pendidikan awal di daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur. Bergiat dalam teater sejak 1995 sebelum memasuki Akademi Seni Kebangsaan untuk mendapatkan pendidikan secara formal. Seorang pelajar yang kreatif, inovatif dan sentiasa cuba meneroka pelbagai bidang dalam seni teater sama ada sebagai pengarah, pelakon, pereka set, pereka tatacahaya, pengurusan teater dan kru pentas. Selama 4 tahun berada di ASK banyak melibatkan diri dengan produksi ASK antaranya bangsawan Raja Laksamana Bentan (96), bangsawan Haris Fadillah (97), bangsawan Bendahara Garang Perak (98), bangsawan Alang Buana (99), mak yong Anak Raja Gondang (97), mak yong Anak Raja Tangkai Hati (99), Randai Anggun Nan Tungga (98), Randai Si Karang Manih (99), Mid Summer Night Dream (98), Hamlet (99), Macbeth (99), Orang Kasar (99) dan Projek Tahun Akhir 98/99.



Untuk menambahkan lagi ilmu dan pengalaman dalam bidang teater melibatkan diri dengan produksi luar ASK antaranya Anugerah (96), Julius Ceasar (97), Kota Lukut (98), Jejak Pahlawan (99), Kena Main (98), Remang Di Lorong Tua (97) dan Puteri Saadong (99).

Dua buah teater yang pernah diarahkan ialah Sangkar Madu (97) dan Awal dan Mira (98), manakala untuk melengkapkan pengajiannya di ASK, memilih untuk melaksanakan projek pengarahannya menerusi naskah Tok Perak.

MARDIANA BT. ISMAIL - Gadis kecil, berkulit sawo matang ini dilahirkan di Hospital Universiti Kuala Lumpur pada 23 Jun, 1978. Penglibatan dalam bidang seni dari sekolah rendah lagi di mana mewakili sekolah dalam pertandingan dikir barat (tok karut). Mewakili sekolah menengah dalam pertandingan pidato dan juga syarahan. Mewakili daerah Besut ke peringkat kebangsaan dalam pertandingan pidato.

Memperluaskan pengetahuan dan bakat dalam bidang seni. Peluang keemasan yang dihulurkan oleh ASK disambut dengan bangga. Pementasan pertama 'Anugerah' sebagai orang kampung arahan Rosminah Mohd. Tahir, Ribut (Miranda), Mereka (korus), Menjelang Takbir (Anita), Azad dan Chun Li (Aini), Impian Musim Panas (Hermia), Inkarnasi (Lesbian), Gapai (Mimi @ Adik), Outrun Nada (Maria), Atap Genting Atap Rumbia (Mak Piah), The World Is An Apple, Macbeth (Lady Macbeth, Askar dan Ahli Sihir 1), Beli Buatan Mementaskan Hak KYTO, Raden Galo (Mak Inang) serta akan mementaskan Karya Ayu Cendana.

Bekerja di belakang tabir dalam The Storyteller, Festival Tari Kebangsaan, Puteri Sa'dung, Harris Fadillah, Laksamana Bentan, Alang Buana, Hamlet (Penolong Stage Manager), Randai Si Karang Manih (Stage Manager) dan Semuannya Anaku, bangsawan Bendahara Garang Perak (Mak Inang), mak yong Raja Bongsu Sakti (Penari) Raja Tangkai Hati (Maliu Bongsu) dan Dewa Muda (Penari).

Mengarah Dr. Faustus dan juga Lady of Eguchi. Persembahan tarian di Dewan Bahasa dan Pustaka, UKM, Palace of Golden Horses Hotel, Dynasty Hotel, Imperial Hotel, Universiti Multimedia dan juga sempena Festival Filem Malaysia ke-14 di Hotel Syuen, Ipoh, Perak. Berlakon drama TV Fadillah (Erma Fatima), beberapa siri Gerak Khas, Namanya Pak Jewa dan juga Anak Seorang Primadona (Suria).

Pernah bekerja di bawah Normah Nordin, Roslan Madun, Ahmad Yatim, Seniwati Negara Puan Khatijah Awang, Cik Rosminah Mohd Tahir, Krishen Jit, Norzizi Zulkafli, Yusof Haslam, Rahman B dan juga Fauziah Nawi.

Harapan setelah tamat pengajian menjadi karyawan yang berbakat, berilmu dan juga dihormati. Mementaskan Monolog 'Tapoh Manja' dari cerita mak yong Dewa Indera dengan kerjasama Engku Normalareesa sebagai pengarah untuk PeTA 2000.



MUSAFFAH ROSLAN atau Muzlan, nama samaran beliau. Berasal dari Kuala Lumpur. Berminat dalam bidang teater. Ingin menjadi penggiat teater dan memasuki dunia perfileman sebagai pelakon atau penerbit.



Ilmu yang dipelajari di ASK bukan sekadar sebagai pelakon malah pelbagai bidang teater lain. Mengikuti lakonan eksperimentasi bersama Arifwarren Shahrudin sebagai pelakon, bertajuk 'Mereka' 1996. Sebagai pelakon bersama pengarah Zahim Al-Bakri iaitu teater adaptasi William Shakespeare 'Rambut'. Sebelum ASK, mengikuti pengajian di peringkat Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia, 1994 - 1995. Pernah menjadi pengacara Muzik-Muzik bersama Azwan Ali pada tahun 1995.

Melangkahkannya diri ke ASK. Berjinak dengan teater bersama Ahmad Yatim dalam 'Impian Musim Panas' teater adaptasi William Shakespeare memegang watak Demetrius. Kemudian beralih kepada teater tradisi iaitu bangsawan pada tahun 1997 arahan Rahman B, bertajuk Bendahara Garang Perak. Mak yong pada tahun 1998 sebagai Puteri Bota, bertajuk Raja Tangkai Hati arahan Khatijah Awang. Pada tahun 1999 kembali berlakon dalam teater adaptasi Shakespeare iaitu 'Macbeth' arahan Ahmad Yatim memegang watak sebagai Ahli Sihir dan 3 watak lain.

Pada tahun 1999, terlibat di Istana Budaya dalam teater arahan Dato' Rahim Razali iaitu 'Keris Sang Puteri'. Semasa di USM terlibat dalam teater 'Mambo Horse' arahan Roslee Mansor (1994) dan di bawah pensyarah lakon dari Amerika, Lynn Weber.

Juga pernah mengarah teater 'A Midsummer Night's Dream' yang dibuat dalam dua bahasa iaitu English dan Bahasa Melayu. bertempat di Actor's Studio. Meminati hiburan 'Live' dan melakukan persembahan di Mini Auditorium yang bergelar Talent X Poison sebagai penerbit persembahan.

LAKONAN (M BUTTERFLY) karya David Henry Hwang; "Aku tak berani keluar lagi, mungkin kamu semua mahu tahu kenapa. Secara jujur aku menjawab ada keganasan di Tanah Melayu. Kerana senjata dan darah memerintahku Idris b. Roslan 96322. Tali barut Malaya. Pegawai Tertinggi Jepun". Batas penjaraku adalah seperti berikut 4 fi meter panjang dan 5 kaki lebar, satu pintu besi. "Apa yang menakutkan diri ini, apabila semuanya dinyatakan ke atas diri ini, objek kasihku tidak lebih tidak kurang dari seorang lelaki".



WAN KANARI IBRAHIM, mendapat pendidikan awal di negeri kelahirannya Terengganu Darul Iman sehingga Tingkatan Enam. Mula melibatkan diri dalam kegiatan teater semasa di bangku sekolah dengan menyertai Pertandingan Drama Sekolah-Sekolah Malaysia anjuran TV3 dan Kementerian Pendidikan.

Kemudian bergiat aktif dengan Grup Teater Ashik Terengganu pimpinan Marzuki Ali dengan mengadakan Program Perjalanan Teater Keliling melalui pementasan teater dan Acara Baca Puisi/Cerpen

ke seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand dari tahun 1989 - 1994. Drama-drama yang dibawa termasuklah *Di Mana Bulan Selalu Retak* (A. Samad Said), *Bila Malam Bertambah Malam* (Putu Wijaya), *Monseerat*, *Teroris dan Orang Kasar* (Antone Checkov) dan lain-lain. Kemudian menjadi Johan Pekan Teater Kebangsaan pada 1995 menerusi drama "*Mayat*" karya Hatta Azad Khan.

Melanjutkan pelajaran ke Akademi Seni Kebangsaan pada 1996 dalam bidang teater. Sepanjang pengajian di Akademi, banyak aktiviti pementasan teater yang diceburi sebagai pelakon. Antaranya; *Ribut* (1996), *Midsummer Night's Dream* (1997), *Julius Caesar* (1997), *Hamlet* (1998), *Macbeth* (1998), karya William Shakespeare.

Juga berlakon dalam teater tradisional. Antaranya bangsawan *Megat Terawis - Bendahara Garang Perak*, mak yong *Raja Tangkai Hati* dan *Dewa Muda* sebagai *Peran Muda*.

Dalam masa yang sama juga terlibat dalam aktiviti luar akademik seperti teater *Anugerah*, *Puteri Saadong* dan banyak lagi.

Berlandas pengalaman dan ilmu yang diperolehi di akademi, sebagai Projek Tahun Akhir memilih skrip *Julius Caesar* yang diadaptasi kepada sebuah Dekonstraksi - *Julius Caesar - Episod Terakhir*.

HASMADI HASSAN

Penglibatan Teater Dalam ASK

1. Bangsawan
 - *Raja Laksamana Bentan* (1996)
 - *Bendahara Garang Perak* (1998)
2. Teater Adaptasi
 - *'Ribut'* arahan Zahir Al-Bakri
 - *Impian Malam Di Musim Panas* arahan Ahmad Yatim
3. Pengurusan - Assistant Stage Manager
 - *Azad & Chun Li* } PeTA
 - *Yang Benar* }
4. Teater Tradisional
 - Mak Yong *'Raja Tangkai Hati'* (1999)

Penglibatan Luar ASK

1. Teater *Anugerah*
2. Teater *Puteri Saadong*

Falsafah Hidup

Teater membimbing kita mengenai yang terbaik untuk diri sendiri dan mengambil yang tidak terbaik daripada orang lain untuk panduan sendiri.



ATURCARA PROGRAM

PeTA 2000

PROGRAMME SCHEDULE

	21 Mei 2000 Ahad 21 May 2000 Sunday	22 Mei 2000 Isnin 22 May 2000 Monday	23 Mei 2000 Selasa 23 May 2000 Tuesday	27 Mei 2000 Sabtu 27 May 2000 Saturday
Program Muzik Music Programme	Gubahan dan Komposisi Composition and Arrangement Yap Yin Mien 8.30pm-9.30pm Leonard Yeap Lin Soon 9.30pm-10.30pm Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang	Persembahan Muzik Music Performance Jeanie Ling Ching 10.00am-11.00am Foo Mei Shang 11.00am-12.00tgh Wong Poh Lee 12.00tgh-1.00pm Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang	Persembahan Muzik Music Performance Michelle Quah Chih Ling 10.00am-11.00am Juanita Ismail 11.00am-12.00tgh Kok Keng Hock 12.00tgh-1.00pm Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang	Sidang Forum 10.00am-12.00tgh Tempat Venue Bilik Seminar Seminar Room ASK, Jalan Ampang

	22 Mei 2000 Isnin 22 May 2000 Monday	23 Mei 2000 Selasa 23 May 2000 Tuesday	24 Mei 2000 Rabu 24 May 2000 Wednesday	26 Mei 2000 Jumaat 26 May 2000 Friday
Program Tari Dance Programme	Persembahan Tari Dance Performance 2.00pm-5.00pm Nota Note Tertutup Untuk Umum Close for Public Tempat Venue Studio ASK, Jalan Ampang Persembahan Tari Dance Performance 8.30pm-10.30pm Tempat Venue Panggung Eksperimen Experimental Theatre Jalan Tun Ismail	Tarian Individu Individual Dance "Titian" Saliza Ali "Semuanya Berlaku Dalam Satu Hari" Junaidah M. Lojong Tarian Berkelompok Group Performance "Putera" 8.30pm-10.00pm Tempat Venue Panggung Eksperimen Experimental Theatre Jalan Tun Ismail	Koreografi Choreography "Duduk-duduk" Suhailai Sulaiman "Aku Nak Menang" Noraini Haron "Siraat" Afna Juitarina Ali Amberan "Transmutasi" Yuni Nor Leitey Yunos 8.30pm-10.00pm Tempat Venue Panggung Eksperimen Experimental Theatre Jalan Tun Ismail	Sidang Forum 3.00pm-6.00pm Tempat Venue Studio ASK, Jalan Ampang

la

Berlance sebagai p. diadaptasi k Terakhir.

Program Penulisan Writing Programme	<p>25 Mei 2000 Khamis 25 May 2000 Thursday</p>	<p>26 Mei 2000 Jumaat 26 May 2000 Friday</p>
	<p>Skrip Drama Pentas <i>Playscript</i> “Setia Merdeka” Lena Fareed Hussain @ Chin “Api Timur” Azaha Othman 8.30am-11.00 am</p> <p>Kajian Drama Pentas <i>Drama Studies</i> “Kajian Historikal Terhadap Drama-Drama Pilihan Mohamed Zahir Ismail” Siti Rohana Abd. Jalil “Kajian Teksdealisme: Analisis Dua Drama Penulis Sabah” Sabilah Kadir 11.30am-1.30 pm</p> <p>Kajian Cerpen/Novel <i>Short Story/Novel Studies</i> “Pemikiran Saroja Theavy A/P Balakrishnan Dalam Gemerlapan” Rashidah Ludin “Analisis Semiotik Novel Begawan” Masnita Aladin “Halangan dan Rintangan: Analisis Pendekatan Takmilah” Wan Hazlinda Mohamed 2.30pm-5.30 pm</p> <p style="text-align: center;">Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang</p>	<p>Kajian Filem <i>Film Studies</i> “Melihat Filem Suhaimi Baba Dari Teori Teksdealisme” Ooi Swan Swan “Satu Analisis Golongan Masyarakat Melayu dalam Filem-filem P. Ramlee” Wan Norsiah Abdullah 9.30am-11.30 am</p> <p>Lakon Layar <i>Screenplay</i> “Suaka Karma” Mohd Ya Latif Mohd Daud “Wasilah” Kamelia Suria Kamaruddin “Litar Impian” Siti Aniszuana Bahran 3.00pm-6.00pm</p> <p style="text-align: center;">Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang</p>

Program Teater Theatre Programme	<p>25 Mei 2000 Khamis 25 May 2000 Thursday</p>	<p>26 Mei 2000 Jumaat 26 May 2000 Friday</p>	<p>27 Mei 2000 Sabtu 27 May 2000 Saturday</p>
	<p>“Monolog Tapoh Manja” Engku Normalareesa Engku Malik (Pengarahannya <i>Directing</i>) Mardiana Ismail (Lakonan <i>Acting</i>) Jarpin Karpis (Rekaan Cahaya <i>Lighting Design</i>) 8.30pm-9.30pm</p> <p>“M Butterfly” Musafah Roslan 9.30pm-10.30 pm</p> <p style="text-align: center;">Tempat Venue Panggung Eksperimen <i>Experimental Theatre</i> Jalan Tun Ismail</p>	<p>“Tok Perak” M. Nasri Ayob (Pengarahannya <i>Directing</i>) Jarpin Karpis (Rekaan Cahaya <i>Lighting Design</i>) 8.30pm-9.30pm</p> <p>“Julius Caesar” Hasmadi Hassan (Lakonan <i>Acting</i>) Wan Kenari Ibrahim (Lakonan <i>Acting</i>) 9.30pm-10.30 pm</p> <p style="text-align: center;">Tempat Venue Panggung Eksperimen <i>Experimental Theatre</i> Jalan Tun Ismail</p>	<p>Sidang Forum 2.30pm-5.30pm</p> <p style="text-align: center;">Tempat Venue Auditorium Mini Mini Auditorium MATIC, Jalan Ampang</p>

ATURCARA PROGRAM PeTA 2000

Mesyuarat Lembaga Pengajian Akademik Antarabangsa
Akademi Seni Kebangsaan

Programme Schedule

Meeting of the International Board of Academic Studies
National Arts Academy

	23 Mei 2000 Selasa 23 May 2000 Tuesday	24 Mei 2000 Rabu 24 May 2000 Wednesday	26 Mei 2000 Khamis 26 May 2000 Thursday
Program Programme	Program Teater Theatre Programme 2.00pm-5.00pm	Program Muzik Music Programme 10.00am-1.00pm	Program Tari Dance Programme 2.00pm-5.00pm
	Tempat Venue Bilik Mesyuarat Meeting Room MATIC, Jalan Ampang	Tempat Venue Bilik Mesyuarat Meeting Room MATIC, Jalan Ampang	Tempat Venue Bilik Mesyuarat Meeting Room MATIC, Jalan Ampang

MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN
COUNCIL OF THE NATIONAL ARTS ACADEMY

Pengerusi Chairman

YBHG. DATO' ISKANDAR DZAKURNAIN B. BADARUDIN
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi Deputy Chairman

YM. DATO' TENGKU ALAUDIN B. TENGKU ABD. MAJID
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Ahli-Ahli Tetap Permanent Members

YBHG. TAN SRI DATO' SAMSUDIN OSMAN
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
YBHG. DATO' OTHMAN B. MOHD RIZAL
Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan
YBHG. TAN SRI DR. JOHARI B. MAT
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Ahli-Ahli Dilantik Appointed Members

YBHG. TAN SRI DATO' DR. AWANG HAD SALLEH
YBHG. DATO' HASSAN AHMAD
YBHG. DR. ARIFF AHMAD
YBHG. PROF. MADYA DR. TAN SOOI BENG

Setiausaha Secretary

DR. HATTA AZAD KHAN
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Setiausaha Assistant Secretary

EN. MOD ZAKY B. DIN
Ketua Penolong Pengarah/Pendaftar
Akademi Seni Kebangsaan

LEMBAGA PENGAJIAN AKADEMIK ANTARABANGSA,
AKADEMI SENI KEBANGSAAN
INTERNATIONAL BOARD OF ACADEMIC STUDIES,
NATIONAL ARTS ACADEMY

Pengerusi Chairman
DR. HATTA AZAD KHAN
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

Ahli-Ahli Members
PROF. DR. MOHD GHOUSE NASRUDDIN
Pusat Pengajian Seni
Universiti Sains Malaysia
PROF. MARTIN BANHAM
Professor of Drama and Theatre Studies
School of English
University of Leeds
PROF. JUDY VAN ZILE
Professor of Dance
Department of Theatre and Dance
University of Hawai'i at Manoa
DR. GEOFFREY G. GIBBS
Chairman
International Foundation for Arts and Culture
Australia
DR. GHULAM SARWAR-YOUSOF
Akademi Seni Kebangsaan
DR. SAL MURGIYANTO
Dean of Performing Arts
Institut Kesenian Jakarta, Indonesia
EN. TAKAHISA OTA
Orkestra Simfoni Kebangsaan
Istana Budaya

Setiausaha Secretary
EN. MOD ZAKY B. DIN
Ketua Penolong Pengarah/Pendaftar
Akademi Seni Kebangsaan

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA
PENILAIAN TAHUN AKHIR (PeTA 2000)
AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

JAWATANKUASA KERJA

Penaung : YB Dato' Abdul Kadir b. Hj. Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat I : YBhg Dato' Iskandar Dzakurnain b. Badarudin
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat II : YM Dato' Tengku Alaudin b. Tengku Abd. Majid
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Pengerusi : Dr Hatta Azad Khan

Timbalan Pengerusi : En Mod Zaky Din

Setiausaha : En Mohd Amir Hakim bin Mohd Yusof

Penolong Setiausaha : En Alexander Wong

Ahli-Ahli : En Zakaria Arifin
En Ramlan Mohd Imam
En Joseph Gonzales
Cik Rosminah Mohd Tahir
En Zulkarnain Ramly
En Ghazali Bidin
Puan Nor Aliza bte Ahmad
En Muhamad Razif b. Rahman

JAWATANKUASA KECIL PENYELARASAN ANTARA PROGRAM

Pengerusi : En Mod Zaky Din .
Setiausaha : En Mohd Amir Hakim bin Mohd Yusof
Ahli-Ahli : En Alexander Wong
Puan Raja Nor Sheela bte Raja Aziddin
En Mohd Ghazali bin Abdullah
En Shafrin bin Sabri
En Suhaimi Magi

JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN

Pengerusi : Puan Nor Aliza bte Ahmad
Setiausaha : En Addly Abdul Karim

JAWATANKUASA KECIL PUBLISITI

Pengerusi : En Alexander Wong
Setiausaha : En Zulkarnain Ramly
Ahli-Ahli : Cik Roshenai Lezei Nadzir
En Sri Hidayat Esthaufik
Puan Mariani Mohd Zin

JAWATANKUASA KECIL ACARA DAN SAMBUTAN

Pengerusi : En Mod Zaky bin Din
Setiausaha : Puan Siti Fatimah bte Othman
Ahli-Ahli : En Mohd Juara Salleh
Puan Thalathiah Awang
Cik Nor Aziah bte Md Kassim

JAWATANKUASA KECIL PERHUBUNGAN DAN JEMPUTAN

Pengerusi : En Zulkarnain Ramly
Setiausaha : En Alexander Wong
Ahli-Ahli : Puan Rabeah bte Harun
Cik Nor Azimah Mohd Yusof
Cik Hashinah Abdul Karim

JAWATANKUASA KECIL LOGISTIK DAN KEBAJIKAN

Pengerusi : En Muhamad Razif b. Rahman
Setiausaha : En Addly Abdul Karim
Ahli-Ahli : En Sulaiman Mamat
En Tarmin Othman
En Azhar Mohamed

JAWATANKUASA KECIL TEKNIKAL DAN DOKUMENTASI

Pengerusi : En Ghazali Bidin
Setiausaha : En Muhamad Razif b. Rahman
Ahli-Ahli : Tuan Haji Wan Mansor Wan Yusof
En Jali Nazri Jaafar

Penghargaan

Akademi Seni Kebangsaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan PeTA 2000 AKADEMI SENI KEBANGSAAN yang telah dilaksanakan pada 21 hingga 27 Mei 2000.

Terima kasih

Acknowledgement

The National Arts Academy wish to thank and congratulate all those involved in making this event a success.

Thank you.